

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2017

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran keseluruhan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sejak ia diperkenalkan sehingga kini, dan bilangan rakyat yang menerimanya mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah bermula pada tahun 2012. Sehingga kini, jumlah pembayaran yang telah dikeluarkan untuk tujuan BR1M adalah sebanyak RM23.81 bilion seperti berikut:

2013 : RM2.90 bilion

2014 : RM3.64 bilion

2015 : RM5.34 bilion

2016 : RM5.34 bilion

2017 : Sehingga 31 Jan 2017 : RM4.5 bilion (peringkat pertama)

Untuk makluman, proses verifikasi bagi permohonan BR1M 2017 masih dilakukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terutamanya bagi permohonan yang diterima selepas 1 Januari 2017 dan dijangka selesai pada akhir Mac 2017. Justeru itu, jumlah peruntukan keseluruhan ini dijangka akan meningkat selepas semua proses verifikasi oleh LHDN selesai.

Jumlah pembayaran dan bilangan rakyat yang menerima BR1M mengikut negeri daripada tahun 2012 sehingga 2017 adalah seperti di lampiran.